

11 JUN 2018

64,188 terbabit dadah ditahan

11-06-2018 | **setempat** | 7 ✓ A

64,188 terbabit dadah ditahan

Kota Bharu: Seramai 64,188 individu ditahan di sekitar negeri ini selepas terbabit dengan aktiviti dadah sejak 1 Januari hingga 3 Jun lalu. Ketua Polis Kelantan Datuk Hasanuddin Hassan berkata, daripada jumlah itu 11,128 terbabit dengan aktiviti pengedaran dadah, 26,260 memiliki dadah dan selebihnya 26,800 disahkan positif dadah.

Menurutnya, daripada jumlah keseluruhan itu didapati pula 3,958 adalah warga asing.

Berdasarkan statistik jumlah dadah tertinggi yang dirampas adalah ganja dengan berat 1,254.07 kilogram (kg), syabu (1,071.11 kg), heroin (323.76 kg) dan pil ekstasi 102.18 kg.

"Keseluruhan nilai ram-pasan dadah itu RM89.11 juta dan kami menyita harta bernilai RM29.26 juta milik individu yang terbabit dengan dadah," katanya dalam sidang media di Ibu Pejabat Polis Kontinen (IPK) Kelantan di sini, semalam.

Menurutnya, operasi berterusan akan dijalankan dari semasa ke semasa untuk membanteras najis dadah di negeri itu.



HASANUDDIN